

17/11/1998

Belia diingat jangan sertai demonstrasi

Rasid Rahaman

KLANG, Isnin - Kementerian Belia dan Sukan meminta belia tidak membabitkan diri dalam demonstrasi atau rusuhan yang dilancarkan oleh penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana ia hanya merugikan masa depan mereka dan negara.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhiyidin Mohd Yassin, berkata mereka seharusnya menjalankan kegiatan lebih berfaedah daripada melepaskan perasaan melalui tunjuk perasaan dengan menggunakan jalan raya di ibu kota untuk menyelesaikan masalah.

"Kita tidak perlu mengadakan perhimpunan haram, demonstrasi, bakar motosikal dan melakukan sesuatu yang hanya merugikan negara.

"Kita juga tidak perlu campur tangan asing di negara ini, tetapi apa yang mengecewakan ada segelintir daripada mereka meminta Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton menangkap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Bela Negara peringkat negeri Selangor di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Datuk Zainal Dahalan, dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Shafie Salleh.

Beliau berkata, negara sudah mencapai kemerdekaan dan belia mesti memelihara kemerdekaan itu.

"Mereka sepatutnya tidak terlalu banyak membabitkan diri dalam soal politik semasa dan adalah lebih baik memikirkan masa mereka dalam kegiatan lebih berfaedah terutama dalam membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi.

"Mereka tidak seharusnya bertindak di luar batas undang-undang dan perlembagaan yang hanya boleh memecahbelahkan perpaduan serta keharmonian negara ini," katanya.

Beliau berkata, dalam menangani krisis ekonomi, belia wajar menghargai kemerdekaan kerana ia menjadi asas pemulihan ekonomi.

"Jika tidak wujud keharmonian dan perpaduan di negara ini, matlamat pemulihan ekonomi tentunya sukar dicapai.

"Peranan generasi muda amat penting. Oleh itu, kita percaya melalui Program Bela Negara anjuran kementerian, ia dapat menanamkan semangat cintakan negara dan memelihara segala pembangunan yang dilaksanakan kerajaan selama ini," katanya.

Untuk itu, katanya, kementerian akan memperhebatkan lagi Program Bela Negara yang bermatlamat menerangkan kegawatan ekonomi semasa dengan menyentuh isu politik kepada belia ke peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

"Walaupun isu politik bukan matlamat utama Program Bela Negara, kita akan mengambil pendekatan itu untuk memberi penerangan kepada golongan terbabit supaya mereka benar-benar faham dan tidak membabitkan diri dalam demonstrasi," katanya.

(END)